

15 NOV 2001

Syed Hamid-Diplomatik

M'SIA/EQUATORIAL GUINEA TANDATANGANI PERJANJIAN DIPLOMATIK

PUTRAJAYA, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia hari ini menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Equatorial Guinea dengan termeterainya perjanjian usahasama ekonomi, saintifik, teknikal dan budaya (ESTCA).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perjanjian itu dicapai hasil rundingan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Equatorial Guinea, Obiang Nguema Mbasogo di pejabat Perdana Menteri di sini.

Pada masa ini perhubungan Malaysia-Guinea belum wujud kerana Duta negara itu di Beijing baru saja di akreditasikan ke Malaysia dan Malaysia pula mengarahkan Pesuruhjaya Tingginya di Nigeria memanjangkan tugas ke Guinea, katanya kepada pemberita selepas menandatangani ESTCA.

Syed Hamid dan rakan sejawatnya Santiago Nsobega Efuman Nchama menandatangani perjanjian itu dan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Presiden Mbasogo.

Kedua-dua negara mengadakan dua segmen pertemuan iaitu mesyuarat Perdana Menteri bersama Presiden dan menteri dan mesyuarat antara Dr Mahathir dan delegasi republik itu, katanya.

Syed Hamid berkata Presiden Mbasogo menyuarakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai model dalam aspek pengagihan kekayaan negara dan pembangunan luar bandar.

"Dia (Mbasogo) kata dia sangat kagum dengan pembangunan yang telah dicapai oleh Malaysia dan ingin menjadikan negara ini sebagai model pembangunan Equatorial Guinea," katanya.

Syed Hamid berkata Presiden Mbasogo juga telah meminta bantuan kepakaran negara ini dalam bidang ternakan, pendidikan, kesihatan awam, petroleum dan kelapa sawit.

"Dr Mahathir menceritakan apa yang telah kita buat dan kita telah bersetuju untuk berkongsi pengalaman dan Malaysia seperti sebuah buku yang terbuka dan kita akan berikan apa-apa dokumen yang dapat membantu mereka," katanya.

Syed Hamid berkata Presiden itu juga menyuarakan hasrat mewujudkan ibu negara seperti Putrajaya di republik itu.

"Jadi, Dr Mahathir meminta Mbasogo menghantar pegawai negara itu untuk mengikuti khusus jangka pendek di sini," katanya.

-- BERNAMA

NM ER NZ LAT